



**David Ku Chian LUK**  
Sekolah Menengah Lodge,  
Kuching, Sarawak.

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KESAN KEPADA MASYARAKAT

**C**OVID-19 yang melanda seluruh dunia seolah-olah tiada noktahnya. Walaupun kes harian di Malaysia memperlihatkan penurunan, namun masyarakat disarankan agar terus menjalani kehidupan dengan kebiasaan baharu agar penularan COVID-19 dapat dibendung. Dalam konteks ini, penularan COVID-19 ini bukan sahaja memberikan kesan pada ekonomi negara, malah individu dan masyarakat.

Antara langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 ialah kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun demikian, persoalan yang sering bermain dalam minda kita ialah apakah kesan PKP kepada masyarakat?

Sebagai cetusan idea yang perdana, antara kesan PKP kepada masyarakat adalah meningkatkan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak perniagaan, terutamanya yang dikategorikan sebagai Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tidak dapat bertahan dari segi kewangan sehingga sesetengah daripada pengusaha terpaksa gulung tikar disebabkan oleh arahan menutup premis perniagaan semasa tempoh PKP bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Misalnya, banyak ahli perniagaan dan usahawan yang mufli sehingga terpaksa menamatkan operasi syarikat. Impaknya, pekerja yang bekerja di syarikat berkenaan akan kehilangan sumber rezeki serta tidak

mampu menyara kehidupan diri dan keluarga. Sesungguhnya, PKP menyebabkan sesetengah rakyat hidup dalam serba daif dan miskin persis kata mutiara, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Selain itu, PKP yang berpanjangan juga menyebabkan harga barangan di pasaran meningkat sehingga mengakibatkan inflasi berlaku. Ada dalam kalangan segelintir ahli perniagaan yang mahu mengaut keuntungan yang banyak dengan meningkatkan harga barangan yang dijual secara tidak munasabah semasa pelaksanaan PKP. Hal ini bertepatan dengan peribahasa memasang lukah di pergentingan.

Harga barangan keperluan asas seperti beras, minyak dan gula meningkat dengan mendadak. Kesannya, masyarakat semakin terbeban dari segi kewangan dan tidak dapat menyara hidup dengan selesa. Bahkan, sudah terang lagi bersuluh bahawa harga barangan yang melambung semasa tempoh PKP menjadi satu daripada cabaran yang getir dalam kehidupan rakyat.

Rentetan itu, PKP yang berterusan turut berupaya menjejaskan kesihatan mental masyarakat dengan menyebabkan tekanan dan stres melampau kerana pelaksanaan aktiviti harian yang terbatas. Tamsilnya, kita tidak dapat bersosial dan berjumpa dengan rakan taulan sehingga menyebabkan ramai yang kemurungan. Natijahnya, berlaku peningkatan dalam kes bunuh diri di Malaysia. Kesimpulannya, PKP menyebabkan semakin ramai yang menghidap penyakit mental.

Selanjutnya, PKP menyebabkan proses pendidikan terbatas, terutamanya di kawasan pedalaman. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) berubah dengan drastik disebabkan oleh peralihan pada pembelajaran secara dalam talian tanpa diduga. Sebagai contoh, kekurangan infrastruktur telekomunikasi dan rangkaian jalur lebar menyebabkan para pelajar di kawasan pedalaman mengalami masalah untuk mengakses sesi PdP secara dalam talian dan kesukaran memahami silibus pelajaran. Hal ini mewujudkan jurang pendidikan yang besar antara pelajar di kawasan bandar dengan pelajar di luar bandar dan implikasinya akan mengakibatkan isu keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa PKP membawa seribu satu kesan kepada masyarakat. Walaupun PKP menyebabkan pelbagai dugaan mendatang, segenap lapisan masyarakat haruslah memandang PKP dari perspektif yang positif, iaitu PKP terpaksa dilaksanakan demi mengekang penularan pandemik COVID-19 di negara kita. Justeru semua pihak haruslah menggembeng tenaga dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk mengekang, memberhentikan dan menamatkan penularan virus ini yang telah meragut banyak nyawa. Semoga dengan usaha dan kerjasama daripada semua pihak, kita kembali pada rutin harian seperti sebelum pandemik melanda. 